

ALAM DAN BUDAYA MASYARAKAT MELAYU DALAM *HIKAYAT PELANDUK JENAKA*

Roslina Abu Bakar (PhD)
lynabubakar@upm.edu.my
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor.

Aone van Engelenhoven (Phd)
a.van.engelenhoven@hum.leidenuniv.nl
Leiden Institute for Area Studies
Matthias de Vrieshof 3
2311 BZ Leiden
Leiden University

Abstrak

Artikel ini berkenaan *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932) yang menceritakan kisah kehidupan binatang di rimba dan lautan yang dipersonifikasikan oleh pengarangnya. Penulisan ini mengaplikasikan teknik kualitatif, analisis kandungan dan menggunakan teori *Pengkaedahan Melayu* yang diasaskan oleh Hashim Awang. Kajian ini bertujuan memperlihatkan cara hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu dalam *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932). Justeru, budaya masyarakat Melayu menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* dianalisis menerusi aspek interaksi sosial untuk merungkai hal kemasyarakatan dan proses sosial. Artikel ini membahaskan pelbagai isu menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* yang menggambarkan hubungan antara alam dan masyarakat Melayu yang disampaikan secara ironi, sinisme, sarkasme untuk menghibur, membawa maklumat dan fungsi kerohanian dalam kalangan audien pembaca.

Kata Kunci: *Alam, Budaya, Masyarakat, Melayu*

NATURAL AND CULTURAL MALAY SOCIETY IN *HIKAYAT PELANDUK JENAKA*

Abstract

This article is regarding to the *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932). The writing utilizes content analysis methods and qualitative research techniques through the Malay Methodologies Theory by Hashim Awang. The analysis in the article demonstrates the way of life and the culture of Malay community in the *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932). Thus, the culture of Malay society in *Hikayat Pelanduk Jenaka* also analysis through social interaction aspect to describe the community and social process. This article argues that the various issues in *Hikayat Pelanduk Jenaka* illustrate the related between nature and the Malay community presented in irony, cynicism and sarcasm that is entertaining, informative and spiritual function among the audience of readers.

Keywords: Nature, Culture, Society, Malay

PENGENALAN

Tanpa budaya manusia tidak akan jadi manusia. Budaya amat diperlukan untuk manusia menjadi dan kekal sebagai manusia. Bahkan dapat dikatakan tanggapan, pengetahuan, pemikiran, nilai, perasaan/emosi dan apa sahaja yang dilakukan oleh manusia dipelajari melalui penyertaannya dalam sesuatu sistem budaya. (Hashim Awang 1998, 38-39).

Petikan tersebut mempunyai hubungan dengan kajian ini yang memperlihatkan tanggapan, pengetahuan, pemikiran, nilai, perasaan/emosi dan pelbagai ragam persoalan menerusi alam dan budaya masyarakat Melayu dalam cerita binatang berbentuk *fables* bertajuk *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932). Menurut Arifin Nur (1972, hlm. 22), satu corak cerita rakyat yang umum sekali di dunia ini ialah cerita-cerita mergastua, iaitu cerita-cerita yang mempunyai binatang sebagai pelakun-pelakunnya. Dalam cerita-cerita jenis ini, binatang dianggap hidup seperti manusia, mempunyai sifat-sifat manusia, bercakap dan berlagak sebagai manusia. Biasanya binatang-binatang itu berlakun sesama binatang, tetapi adakalanya binatang itu berlakun bersama-sama dengan manusia. Arifin Nur (1972, hlm. 23) turut menyatakan bahawa suatu corak cerita-cerita mergastua yang terkenal ialah *fables*. Cerita-cerita ini mempunyai binatang juga sebagai pelakunnya, tetapi bertujuan memberi pengajaran dan pendidikan serta contoh teladan yang ditujukan kepada manusia. Kadang-kadang mengandungi sindiran yang amat tajam terhadap perlakuan manusia.

Sementara itu, istilah ilmu budaya menurut Hashim Awang (1998, hlm. 10-11) ditakrifkan sebagai satu bidang ilmu yang cuba memahami perlakuan manusia dalam mengharungi kehidupan hariannya. Menurut Shaharir Mohamad

Zain (2016, hlm. 62), kebudayaan atau budaya yang biasa difahami ialah adat resam lama, cara hidup tradisi dan manifestasinya sebagai kesenian tampak dan dengar seperti tarian dan nyanyian terutamanya yang tradisi, wayangan, lakonan, teater (secara generiknya boleh diistilahkan sebagai poesis); amalan tradisi seperti bomoh, mantera dan sebagainya (generiknya etnoperubatan), alatan, tukang, pandaian, kraf tangan tradisi, ukiran tradisi, dan sebagainya (generiknya etnoteknologi); atau sastera lisan dan tulisan dahulu kala atau tradisi (generiknya etno-susastera).

Secara keseluruhan, budaya dapat diistilahkan sebagai perlakuan manusia, adat resam, cara hidup dan mencakupi budaya benda dan bukan benda. Budaya merupakan ciptaan manusia dan terhasil daripada kreativiti dan inovatif yang ada pada manusia. Oleh hal yang demikian, kajian ini turut menghubungkan alam dan budaya masyarakat Melayu menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932). Dengan berbuat demikian, kajian ini berupaya membuktikan korelasi antara alam dan budaya masyarakat Melayu yang berupaya dijadikan teladan, memberi manfaat dan dilestarikan oleh generasi kini. Menurut Muhammad Haji Salleh (2012, hlm. 5), alam dianggap selalu ada di luar sana, sebagai sesuatu latar yang diterima ada, dan tidak dirasakan perlu diberikan banyak ruang pemerian lagi.

Kepentingan kajian mengenai alam dan budaya Melayu selaras dengan kenyataan Muhammad Haji Salleh (2012, hlm.12), walaupun tenang atau ganas, nyaman atau membawa pembalasan, manusia Melayu masih agak tekun merenung alam ini dari jauh dan dekat, dari tepi dangaunya, di pinggir hutan, di dalam laut, di tepi pasir dan juga sewaktu melihat unggas dan burung di udara. Dia tiada pilihan kerana alam begitu dominan dan berkuasa terhadap hidupnya. Dan alam adalah ciptaan Tuhan. Untuk memahami hidup malah Tuhannya, dia harus memahami alam yang terbentang, terdiri gagah dan mengalir laju di depan matanya setiap hari. Inilah dia menjadi titik falsafah awal, pemikir primitif dan melihat bahawa alam bukan sahaja wujud di luar dirinya, tetapi mencerminkan apa yang berlaku dalam dirinya, kepada masyarakat kampungnya, dan takdir manusia seluruhnya.

Lain daripada itu, *Hikayat Pelanduk Jenaka* memperlihatkan pelbagai bentuk persoalan yang disampaikan oleh pengarangnya menerusi watak dan perwatakan binatang yang dipersonifikasikan, berfikir, bertindak dan mempunyai jiwa seperti manusia. Dalam pada itu, persoalan yang disuguhkan turut bersifat indah dan sarat dengan pelbagai ilmu pengetahuan yang berupaya dijadikan pelajaran dalam kalangan masyarakat pembaca. Fenomena tersebut merupakan proses interaksi sosial sebagaimana kenyataan Roslina Abu Bakar (2014, hlm. 7), proses interaksi merupakan aktiviti yang dilakukan antara sesama individu dalam kehidupan seharian untuk memenuhi kehendak sosial dan psikologi.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat pelbagai bentuk kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh para sarjana mengenai kumpulan cerita binatang. Kajian-kajian tersebut berfokus kepada pelbagai isu dan dirungkai menerusi pelbagai teori dan kaedah kajian. Contohnya, terdapat kajian terdahulu mengenai cerita binatang dan hubungannya dengan pendidikan awal kanak-kanak, fungsi cerita binatang dalam kalangan kanak-kanak, eksplorasi watak dan perwatakan cerita binatang dalam membentuk tabiat membaca kanak-kanak, cerita binatang serta pembangunan insan serta pelbagai bentuk kajian lainnya.

Misalnya, Norasiah Abdullah (2012) telah mengkaji dan merungkai cerita binatang di samping meneliti isu pembangunan insan dalam penceritaan fauna cerita binatang. Beliau telah mengaplikasi teori *Pengkaedahan Melayu* dalam analisis teksnya. Kajian oleh Norasiah Abdullah (2012) menghasilkan dapatan kajian mengenai kesan penceritaan fauna terhadap kanak-kanak. Berdasarkan kajiannya, daya imaginasi yang tinggi berupaya melatih kanak-kanak berfikir, memperoleh teladan dan menghargai alam binatang. Dengan itu, cerita binatang bukanlah berbentuk hiburan semata-mata malah berupaya membangunkan akhlak kanak-kanak, membawa manfaat dan mempengaruhi pembangunan insan kanak-kanak. Manakala Nurhasma Muhamad Saad dan rakan-rakan (2012) telah menghasilkan kertas kerja bertajuk Fungsi Cerita Binatang dalam Sastera Kanak-kanak Melayu-Arab. Kajian beliau mendapati bahawa cerita binatang mempunyai pelbagai manfaat, sarat dengan nilai-nilai murni dan mempunyai fungsi tertentu dalam mendidik kanak-kanak.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian oleh Norasiah Abdullah (2012) mengenai cerita binatang memperlihatkan inisiatifnya mengaplikasikan Teori *Pengkaedahan Melayu* yang dikemukakan oleh Hashim Awang. Dengan berbuat demikian, kajian beliau hanya berupaya menyerlahkan fungsi dan kepentingan cerita binatang sebagai hiburan serta pembangunan insan dan akhlak kanak-kanak.

Keistimewaan ciri-ciri teori *Pengkaedahan Melayu* sewajarnya dirungkai secara tuntas untuk memperlihatkan keunikan alam dan budaya Melayu. Justifikasi tersebut selaras dengan kenyataan Roslina Abu Bakar (2013, hlm. 261), pemaparan unsur alam yang bersifat fizikal atau nyata dapat menggambarkan pembentukan budaya Melayu yang berbeza dengan budaya masyarakat lain. Alam sekitar mempunyai peranan yang berbeza antara suatu budaya. Alam fizikal atau alam nyata seperti bukit, sungai, lautan, hutan, tumbuh-tumbuhan, manusia dan haiwan dijadikan Tuhan bukanlah hasil budaya manusia tetapi manusia berusaha menguasai dan menyesuaikan dalam kehidupan seharian.

Bertitik tolak daripada itu, kajian ini dilaksanakan untuk memperluaskan kajian terdahulu, mengaplikasi semaksima mungkin teori *Pengkaedahan Melayu*

yang erat hubungannya dengan alam dan budaya. Seterusnya, kajian ini turut dihubungkan dengan interaksi sosial yang berfungsi sebagai proses sosial dan kawalan sosial berasaskan manuskrip Melayu tradisional *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Menurut Amir Luthfi (1986, hlm. 13), interaksi sosial merupakan suatu hubungan timbal balik antara dua orang atau lebih. Timbal balik tersebut berlaku apabila tingkah laku satu pihak mempengaruhi pihak lain. Hal ini menyangkut hubungan antara individu dengan individu, antara individu dengan kelompok, dan antara kelompok dengan kelompok.

Oleh itu, selain pengaplikasian teori *Pengkaedahan Melayu*, analisis berasaskan proses sosial amat membantu dan berupaya menambah ruang kajian-kajian terdahulu. Dalam pada itu, proses sosial yang diperlihatkan menerusi kajian ini berupaya menyerlahkan sikap, nilai dan harapan pengarang *Hikayat Pelanduk Jenaka* kepada khalayak pembaca. Dengan keadaan sedemikian, proses-proses sosial tersebut memperjelaskan unsur-unsur alamiah dan manfaatnya serta hakikat kebergantungan antara alam dan masyarakat Melayu tradisional khususnya. Justeru, kontak primer sebagai makhluk sosial berupaya memperlihatkan kewajaran hubungan pengarang dan khalayak pembaca, saling berhubungan serta ingat-mengingati antara satu dan lainnya. Lain daripada itu, *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai perantara kontak sosial sekunder turut membawa pelbagai persoalan kemasyarakatan di samping sebagai perantara antara pengarang dan khalayak pembaca.

Hikayat Pelanduk Jenaka yang dianalisis menerusi teori *Pengkaedahan Melayu* berupaya memperlihatkan keunikan budaya dan masyarakat Melayu yang disampaikan menerusi watak dan perwatakan binatang yang dipersonifikasikan, berfikir, bertindak dan mempunyai jiwa seperti manusia. Natiujahnya, alam dan budaya masyarakat Melayu menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* berupaya membawa pelbagai manfaat dalam kalangan masyarakat pembaca. Unsur-unsur alam yang indah sifatnya berupaya membawa pelbagai fungsi dalam kehidupan seharian khalayak pembaca dewasa mahupun kanak-kanak. Alam itu berupaya membentuk dan memperteguhkan kerohanian diri, takjub akan alam dan kejadiannya yang bersifat indah. Malah, alam juga sebagai sumber keperluan asas dan pelbagai manfaat lainnya dalam kehidupan manusia di alam nyata. Justeru, kajian ini turut terdorong dilaksanakan setelah merujuk akan kepentingan alam dan hubungannya dengan budaya masyarakat Melayu yang diperlihatkan menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka*.

OBJEKTIF

Kajian ini berasaskan kepada dua objektif kajian. Pertama, untuk memperlihatkan cara hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932) menerusi proses interaksi sosial. Kedua, untuk menganalisis cara hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka*

berasaskan *Pengkaedahan Alamiah* dan *Pengkaedahan Keagamaan* menerusi teori *Pengkaedahan Melayu*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian mengenai *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932) ini mengaplikasikan teknik kualitatif iaitu analisis kandungan dan menggunakan teori *Pengkaedahan Melayu* yang diasaskan oleh Hashim Awang. Selain itu, kajian ini turut memperlihatkan cara hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu menerusi proses interaksi sosial. Interaksi sosial turut relevan dijadikan asas kajian ini kerana berupaya memperlihatkan pelbagai persoalan kemasyarakatan yang dibawakan oleh watak dan perwatakan binatang yang dipersonifikasikan menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka*.

KERANGKA TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Hikayat Pelanduk Jenaka merupakan manuskrip Melayu tradisional yang sesuai digandingkan dengan teori *Pengkaedahan Melayu*. Hal ini demikian kerana *Hikayat Pelanduk Jenaka* memiliki ciri-ciri keunikan dan kesignifikan tersendiri berlandaskan budaya dan alam Melayu. Begitu juga dengan *Pengkaedahan Melayu* yang diistilahkan sebagai cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan masyarakat Melayu. Teori *Pengkaedahan Melayu* diasaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Menerusi *Pengkaedahan Melayu*, Hashim Awang telah menemui dua pengkaedahan iaitu *Pengkaedahan Alamiah* dan *Pengkaedahan Keagamaan*.

Kedua-dua pengkaedahan ini tidak terpisah sifatnya malah saling berhubungan antara satu dengan lainnya. *Pengkaedahan Alamiah* berteraskan kepada cara atau sikap hidup masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada diri dan kehidupannya. Kenyataan tersebut merujuk kepada sikap masyarakat Melayu yang terserlah jelas menerusi enam perkara asas iaitu mengenai manusia, kesihatan (perubatan) manusia, sifat dan gerak laku manusia, mimpi dan firasat, cekerawala, dan perumahan. Di samping ke enam-enam persoalan besar tersebut, kejadian alam dari kacamata Islam iaitu kejadian tujuh petala langit dan bumi merupakan persoalan tambahan.

Menerusi *Pengkaedahan Alamiah*, Hashim Awang menumpukan unsur-unsur alam. Contohnya, persoalan tentang kesihatan atau perubatan. Persoalan kesihatan dan perubatan menitikberatkan kepentingan dan keistimewaan tumbuhan serta haiwan sebagai sumber perubatan yang berupaya menyembuhkan pelbagai penyakit. Manakala persoalan cekerawala, bulan, bintang dan bumi merupakan aspek keperluan dan kemanfaatannya dalam kehidupan manusia. Sama seperti kewujudan unsur-unsur alam, setiap satunya memiliki fungsi dan manfaat yang khusus terhadap manusia. Justeru, sastera turut dilihat sebagai suatu unsur alam

yang kejadian (penciptaan)nya adalah juga mengarah ke dalam perspektif yang serupa.

Tiga pendekatan dalam pengkajian sastera yang tergolong ke dalam lingkungan *Pengkaedahan Alamiah* ialah *Pendekatan Gunaan*, *Pendekatan Moral* dan *Pendekatan Firasat*. Menerusi *Pendekatan Gunaan*, sastera dilihat sebagai suatu objek alam yang kejadiannya mempunyai sebab, hikmah serta fungsi tertentu untuk dimanfaatkan oleh manusia. Seterusnya, *Pendekatan Moral* pula menekankan kejadian alam sebagai pengalaman hidup. Sastera dalam konteks ini dapat memberikan kemanfaatannya, menyingkap dan memberikan pengalaman. Pengalaman-pengalaman tersebut biasanya terdiri daripada dua hal utama iaitu peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh manusia-manusia tertentu, dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan manusia serta suasana persekitarannya. Menerusi hal pertama terserlah pelbagai ragam dan perlakuan manusia yang dapat dialami untuk dinilai aspek-aspek positif dan negatifnya sebagai cermin perbandingan atau contoh teladan yang baik. Manakala hal kedua, sastera mampu menyediakan dirinya dengan pelbagai ilmu dan pengetahuan. Untuk tujuan menemukan perkara-perkara semacam inilah maka sastera itu boleh didekati atau dikaji dalam maksud *Pendekatan Moral* tadi.

Akhirnya, *Pendekatan Firasat* ditunjangi dengan tanggapan bahawa sastera merupakan suatu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup. Kejadian tersebut dikaitkan dengan mimpi iaitu suatu pengalaman hidup yang penuh misteri. Masyarakat Melayu sering mengganggapnya mempunyai makna kepada kehidupan. Pencarian makna mimpi ini dikenali sebagai proses menemukan maknanya itu menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu yang wujud di dalamnya. Bertepatan dengan sifat penglahirannya, sastera juga menyerupai suatu mimpi yang merupakan suatu kejadian alam yang mempunyai makna atau pengertian menerusi proses tafsiran. Tuntutan melaksanakan tafsiran untuk menemukan maknanya ini memberikan implikasi bahawa sastera sering diistilahkan sebagai yang “tersurat” dan “tersirat. Sifat zahir atau yang “tersurat” menjadi sebagai penanda (alamat) untuk memperolehi yang “tersirat” iaitu penanda atau maknanya. Prosesnya itu menyamai dengan apa yang berlaku dalam amalan masyarakat Melayu seperti mengenali kelakuan atau tabiat manusia, sifat batinnya menerusi keadaan sifat zahir atau sifat fizikalnya. Demikianlah maksud intipati yang perlu tercapai apabila *Pendekatan Firasat* digunakan dalam kajian sastera. Maknanya perlu dianalisis dan ditemukan melalui penafsiran sifat-sifat zahir, atau sistem tanda dan lambang yang dimilikinya.

Pengkaedahan kedua dalam teori *Pengkaedahan Melayu* ialah *Pengkaedahan Keagamaan*. *Pengkaedahan Keagamaan* dimaksudkan sebagai pendekatan yang berdasarkan kepada keimanan yang bersendikan aqidah agama Islam. Sumber paling besar dan utama yang menjadi rujukan ialah al-Quran dan Hadis. Pembentukannya pula bersandarkan kepada tujuan-tujuan mengutamakan sifat-sifat keagungan Allah SWT dan mempertingkatkan ketakwaan terhadapNya. Menerusinya, ditimbulkan juga tiga pendekatan iaitu *Pendekatan Dakwah*,

Pendekatan Kemasyarakatan, dan *Pendekatan Seni* yang keadaannya saling berhubungan antara satu sama lain.

Pendekatan Dakwah melihat sastra sebagai suatu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah. Sastra sewajarnya mengandungi persoalan-persoalan yang memaparkan tentang sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian Allah. Sastra turut dijadikan semacam “kitab” untuk para insan mengenali lebih dekat, khusyuk akan sifat dan diri Tuhan sehingga menimbulkan peningkatan rasa kecintaan dan kehormatan insan yang lebih besar dan suci terhadapNya. Di samping itu, sastra harus mempersoalkan tentang kemurnian dan kelebihan agama Islam. Justeru, akan berupaya menimbulkan daya tarikan yang lebih mendalam terhadap kesucian agama Islam dalam kalangan insan Muslim mahupun bukan Muslim. Kajian mengenainya lebih banyak bertumpu kepada aspek-aspek tema dan amanat yang mengarah kepada penyerlahan permasalahan tersebut. Menerusi sastra yang merupakan bahan penelitian, aspek watak dan perlakuan serta peribadinya juga menjadi menarik untuk dikaji dalam kaitannya dengan sifat-sifat mulia seorang insan Muslim. Aspek-aspek yang diperberatkan ialah menyentuh segala persoalan yang berkaitan dengan kebesaran Allah SWT dan Islam.

Pendekatan Kemasyarakatan pula menganggap sastra sebagai alat pendedahan segala macam persoalan yang berakarkan kepada tujuan mencari kebaikan dan keadilan dalam kalangan masyarakat sebagaimana dituntut oleh Islam. Menerusi konteks ini, sastra dianggap lumrah untuk mendedahkan dengan jelas, benar dan berani permasalahan-permasalahan yang dianggap sebagai punca kepada kepincangan masyarakat dan keimanan insan. Selain itu, *Pendekatan Seni* pula merupakan pendekatan yang menjadikan unsur keindahan dalam sastra sebagai persoalan pokok. Keindahan Seni membataskan dirinya kepada nilai-nilai etika Islam dan tidak bertentangan dengan aqidah serta ajaran Islam. Keindahan yang demikian sifat dan tuntutan menjadi objek penelitian untuk ditemukan dalam sastra menerusi pelbagai aspek atau unsur ciptaan. Antaranya adalah seperti bentuk harafiah dan dalamannya, gaya penceritaan, kaedah pendedahan tema dan watak, atau pemakaian sudut pandangan dan gaya bahasanya. Kepentingan dari penggunaan pendekatan ini dalam penelitian sastra berupaya menemukan segala-galanya untuk menghasilkan kembali serta memperkukuhkan tapak-tapak asas yang murni lagi suci seperti keimanan, ketakwaan dan kecintaan kepada Allah. (Rujuk Hashim Awang 1997, hlm. 116-124)

BAHAN KAJIAN

Kajian ini fokus kepada sebuah manuskrip Melayu tradisional iaitu *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932) yang tersimpan di unit Koleksi Khas, perpustakaan Universiti Leiden, Leiden, the Netherlands. *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932) berukuran 175 x 125 cm, mempunyai 159 patah perkataan dan 13 baris dalam setiap muka surat. Manuskrip ini ditulis menggunakan dakwat

hitam di atas kertas bersifat tera air. *Hikayat Pelanduk Jenaka* ditulis oleh seorang jurutulis Melayu bernama Abdul Hakim. Mengikuti catatan di manuskrip tersebut, *Hikayat Pelanduk Jenaka* pernah dipunyai oleh Encik Van der Capellen yang memiliki manuskrip Melayu ini dengan membeli di lelongan Milles pada 7-14 May 1870.

Manuskrip Melayu tradisional ini mengisahkan kehidupan masyarakat seisi rimba yang amat taat kepada Pelanduk Jenaka yang menggelarkan dirinya sebagai Syeikh Alam di Rimba. Syeikh Alam di Rimba amat termasyhur namanya dalam kalangan segala isi rimba dengan tipu dayanya. Tipu daya oleh Pelanduk Jenaka ini menggambarkan perwatakan pintar dan bijak menangani masalah serta penyelesaian konflik yang dihadapi oleh seisi rimba. Interaksi antara watak-watak binatang yang digambarkan menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* berupaya menghibur, terkandung pelbagai unsur pelajaran membantu pembangunan sahsiah, rohani, jasmani, intelek, emosi dan naluri golongan pembaca.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya menumpukan analisis mengenai sebuah manuskrip Melayu tradisional iaitu *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932). Justeru, untuk memperlihatkan cara hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka*, kajian ini fokus kepada proses interaksi sosial untuk memperlihatkan *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932) sebagai manfaat kepada khalayak pembaca. Misalnya, *Hikayat Pelanduk Jenaka* dan fungsinya untuk menghibur, mempertingkatkan kerohanian serta kawalan sosial, membawa kebaikan dalam bertingkah laku, berlandaskan peraturan Islam serta berupaya mencegah kemungkaran.

Kajian ini turut fokus kepada unsur alam serta pelbagai persoalan yang diperlihatkan menerusi perwatakan binatang yang dipersonifikasikan. Unsur alam ini dialegorikan sebagai cara hidup, kepercayaan serta kebudayaan masyarakat Melayu yang amat erat hubungannya dengan unsur alamiah, berpaksikan Islam dan ajarannya. Di samping itu, untuk menganalisis cara hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka*, kajian ini turut berasaskan *Pengkaedahan Alamiah* dan *Pengkaedahan Keagamaan* menerusi teori *Pengkaedahan Melayu* yang dikemukakan oleh Hashim Awang. Dalam konteks ini, kajian dan analisis akan membincangkan perkara berikut:

1. Pengalaman kehidupan sebagai manfaat
2. Emosi dan perilaku positif sebagai teladan
3. Alam dan kemanfaatannya
4. Mempertingkat nilai ketakwaan dan mencegah kemungkaran

DAPATAN ANALISIS

Menurut Gillin (1954, hlm. 489), interaksi sosial merupakan proses sosial. Interaksi sosial merupakan syarat utama terjadinya aktiviti-aktiviti sosial. Interaksi sosial merupakan hubungan-hubungan sosial yang dinamis, menyangkut hubungan antara orang perseorangan, antara kelompok-kelompok manusia, mahupun antara orang perorangan dengan kelompok manusia.

Dalam hal ini juga, proses-proses sosial tersebut turut berhubungan dengan pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh manusia dan suasana persekitarannya. Oleh itu, fenomena tersebut berupaya dirungkai menerusi teori *Pengkaedahan Melayu*. Misalnya, menurut Hashim Awang (1997, hlm. 121-122), *Pendekatan Moral* menerusi teori *Pengkaedahan Melayu* memperlihatkan kejadian alam yang bersifat pengalaman hidup. Manakala sastera dalam konteks ini berupaya memberikan manfaat dan pengalaman. Pengalaman-pengalaman yang disingkatkan itu biasanya terdiri daripada dua hal utama iaitu tentang peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh manusia-manusia tertentu, maklumat-maklumat yang berkaitan dengan manusia tadi serta suasana persekitarannya. Dari hal pertama terserlah pelbagai ragam dan perlakuan manusia yang dapat dialami untuk dinilai aspek-aspek positif dan negatifnya bagi maksud dijadikan cermin perbandingan atau contoh teladan yang baik. Manakala hal kedua ternyata memperlihatkan sastera dan kemampuannya menyediakan dirinya dengan pelbagai ilmu dan pengetahuan pula.

Hal ini bersangkut-paut dengan *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or 1932) sebagai kontak sekunder. *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai kontak sekunder berupaya memperlihatkan interaksi sosial iaitu proses-proses sosial menerusi hubungan pengarang dan masyarakat pembaca.

Hikayat Pelanduk Jenaka sebagai kontak sekunder berupaya membawa harapan pengarangnya, membawa khalayak pembaca mempelajari suatu sistem sosial serta aktiviti dan interaksi masyarakat tradisional yang berhubungan antara satu sama lain. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Suprihadi (1993, hlm. 153), interaksi sosial beerti mempelajari suatu sistem sosial. Mempelajari suatu sistem sosial itu bermaksud mempelajari aktiviti manusia yang berinteraksi dan berhubungan satu sama lain dengan suatu pola tertentu yang berdasarkan sikap, nilai dan harapan.

Secara total, *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932) yang sarat dengan gambaran cara atau sikap hidup masyarakat Melayu tradisional diungkapkan menerusi persoalan seperti pengalaman kehidupan sebagai manfaat, emosi dan perilaku positif sebagai teladan, alam dan kemanfaatannya. Akhirnya, elemen kerohanian dan keimanan yang bersandar kepada akidah agama Islam turut dirungkai menerusi persoalan mempertingkatkan nilai ketakwaan dan mencegah kemungkaran.

PENGALAMAN KEHIDUPAN SEBAGAI MANFAAT

Hikayat Pelanduk Jenaka (Cod. Or. 1932) merupakan kisah kehidupan pelbagai jenis binatang di rimba dan lautan yang dipersonifikasikan. Pelbagai perlakuan dan tabiat binatang dialegorikan sebagai kehidupan manusia yang terdiri daripada pelbagai pangkat dan kedudukan, berperanan sebagai watak yang berpengaruh, cerdik, bodoh dan sebagainya. Segala perwatakan menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932) menggambarkan harapan pengarang ke arah mewujudkan keinsafan, membentuk keperibadian manusia itu sendiri, memberi manfaat dan pengalaman hidup dalam kalangan khalayak pembaca. *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932) turut sarat dengan norma dan nilai sosial, disuguhkan dalam kalangan khalayak pembaca untuk ditafsir makna tersirat sebagai pelajaran dan teladan.

Justeru, peristiwa yang dilalui atau suasana persekitaran menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* memperlihatkan proses interaksi sosial. Proses interaksi sosial tersebut merangkumi hubungan antara individu dan kelompok yang saling mempengaruhi dalam fikiran mahupun tindakan. Berdasarkan kajian ini, kontak sosial bersifat sekunder menjadikan *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai perantara kontak sosial sekunder yang bersifat merentas zaman untuk menghiburkan dan secara tidak langsung mendidik masyarakat pembaca.

Segala persoalan yang dibawakan menerusi watak dan perwatakan binatang di rimba dan lautan dialegorikan sebagai hubungan-hubungan sosial yang berkaitan dengan hubungan antara individu dan kelompok atau antara kelompok ke arah menghibur dan mendidik khalayak pembaca. Usaha, pandangan atau pengaruh kepengarangan manuskrip Melayu *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932) berupaya memotivasi masyarakat pembaca. Seterusnya, khalayak pembaca berupaya meniru atau menjadikan segala kebaikan serta pengalaman kehidupan yang digambarkan menerusi perlakuan binatang yang dipersonifikasikan sebagai teladan. Tamsilnya, interaksi sosial akan berlangsung dengan baik sekiranya aturan-aturan dan nilai dilakukan dengan baik. Jika tiada kesedaran daripada khalayak pembaca, maka proses sosial pun tidak akan berjalan seperti yang diharapkan. Fenomena tersebut menandakan kejayaan interaksi sosial yang berlaku antara pengarang dan khalayak pembaca.

Berdasarkan kenyataan tersebut, *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932) jelas memperlihatkan proses interaksi sosial dan seruan memperbaiki diri dalam kehidupan bermasyarakat. Fenomena tersebut digambarkan menerusi unsur pelajaran dan nasihat yang dibawakan menerusi watak dan perwatakan binatang yang dialegorikan sebagai kehidupan manusia yang terdiri daripada pelbagai pangkat serta kedudukan. Sebagai contoh, watak yang mewakili golongan berpengaruh dan cerdik digambarkan menerusi watak Syeikh Alam di Rimba atau Pelanduk Jenaka yang merupakan ketua kepada segala binatang di rimba yang mengamalkan semangat musyawarah juga ditaati oleh penghuni rimba dan lautan. Selain itu, interaksi antara watak dan perwatakan yang terdiri daripada pelbagai

golongan menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* memperlihatkan nilai positif seperti bekerjasama, hormat-menghormati antara sesama manusia, hormat kepada pemimpin, membangunkan nilai ketakwaan terhadap Allah SWT, menyesali perbuatan yang ingkar dan pelbagai lagi.

Contoh petikan:

Tiadalah hamba akan melawan tuanku lagi kerana taubatlah hamba akan melawan Tuanku Syeikh Alam di Rimba melainkan apa barang titah tuanku patik junjunglah sepenuh atas batu kepala patik... (Cod. Or. 1932, 52)

Petikan tersebut selaras dengan adat Melayu yang diwarisi sejak zaman tradisional seperti pantang menderhaka kepada pemimpin tertinggi, menghormati dan mentaatainya. Perlakuan tersebut jelas menghubungkan kontak sosial masyarakat Melayu yang mengamalkan etos, keperibadian dan akal budi Melayu. Justeru, persoalan tersebut bukan hanya bersifat merentas zaman malah memperlihatkan ciri-ciri karekteristik sikap dan perilaku manusia yang dialegori menerusi watak dan perwatakan binatang di rimba dan lautan yang sangat taat kepada pemimpin mereka iaitu Syeikh Alam di Rimba atau Pelanduk Jenaka. Secara tidak langsung, fenomena tersebut memperlihatkan ciri-ciri masyarakat Melayu yang kukuh memegang adat dan budaya Melayu sebagaimana perasaan dan pesan pengarang Melayu tradisional kepada masyarakat pembaca. Kenyataan tersebut sebagaimana menurut Hamka (1983, hlm. 1), kelebihan dan perbezaan manusia daripada jenis makhluk yang lain, ialah manusia itu bilamana bergerak, maka gerak gerinya itu timbul dari dalam, bukan mendatang dari luar. Segala usaha, pekerjaan, langkah yang dilangkahkan, semuanya itu timbul daripada suatu maksud yang tertentu datang dari suatu perasaan yang tinggi, yang mempunyai kekuasaan penuh dalam dirinya.

Dengan keadaan sedemikian, teori *Pengkaedahan Melayu* turut berupaya memperjelaskan interaksi sosial individu dan kelompok. Sebagai contoh, menerusi *Pendekatan Moral, Hikayat Pelanduk Jenaka* menyerlahkan kemanfaatannya, membawa pelajaran dan memberikan pengalaman dalam kalangan khalayak pembaca untuk dipraktis dalam kehidupan nyata. Menurut Hashim Awang (1997, hlm. 122), pengalaman-pengalaman yang disingkatkan dan diberikan biasanya terdiri daripada dua hal utama, iaitu tentang peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh manusia-manusia tertentu, dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan manusia tadi serta suasana persekitarannya. Dari hal pertama terserlah pelbagai ragam dan perlakuan manusia yang dapat dialami untuk dinilai aspek-aspek positif dan negatifnya bagi maksud dijadikan cermin perbandingan atau contoh teladan yang baik, manakala dari hal kedua, ternyata sastera mampu menyediakan dirinya dengan pelbagai ilmu dan pengetahuan pula.

EMOSI DAN PERILAKU POSITIF SEBAGAI TELADAN

Interaksi sosial turut berfungsi memberi pandangan atau pengaruh. Sebagai contoh, persoalan atau peristiwa berbentuk positif yang disuguhkan oleh pengarang *Hikayat Pelanduk Jenaka* merupakan teladan dan panduan kepada khalayak pembaca dalam menjalani kehidupan di alam nyata. Misalnya, rasa dan emosi positif seperti kasih sayang, gembira, sedih, kecewa, bertanggungjawab serta keharmonian menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* secara tidak langsung menyemaikan emosi positif dalam kalangan khalayak pembaca. Dengan keadaan sedemikian, fenomena tersebut berupaya membentuk keperibadian sempurna seseorang manusia itu.

Dalam pada itu, *Pendekatan Moral* menerusi teori *Pengkaedahan Melayu* turut berupaya memperlihatkan pelbagai ragam dan perlakuan manusia untuk dinilai aspek-aspek positif dan negatifnya sebagai perbandingan atau teladan yang baik. Sebagai contoh, *Hikayat Pelanduk Jenaka* berupaya membawa pelbagai ilmu dalam kalangan masyarakat pembaca sehingga menerbitkan emosi positif sebagai teladan kepada antara individu dan kelompok malah antara kelompok. Misalnya, peristiwa raja buaya menderita kesakitan setelah terminum air sungai bercampur akar tuba telah menyebabkan Syekh Alam di Rimba dan segala binatang di rimba dan lautan merasa simpati lalu membantu raja buaya tersebut tanpa rasa dendam. Oleh hal yang demikian, suasana getir tersebut secara tidak langsung menyemai emosi positif dalam kalangan khalayak pembaca agar menghindari rasa dendam, saling memaafkan, bersimpati dan belas kasihan.

Peristiwa tersebut digambarkan menerusi kesepakatan antara masyarakat di rimba dan lautan untuk membantu menyelamatkan nyawa raja buaya. Rasa simpati dan ingin membantu raja buaya tetap dilaksanakan walaupun segala binatang di rimba dan lautan telah dizalimi oleh raja buaya. Raja buaya telah menjadikan segala binatang yang menghampiri sungai yang didiaminya sebagai mangsa dan makanannya. Intihanya, persoalan menghindari rasa dendam, saling memaafkan, bersimpati, belas kasihan dan bantu-membantu menerusi peristiwa tersebut berupaya menghasilkan proses imitasi dan motivasi dalam kehidupan sebenar khalayak pembaca. Menurut Lasswell dan Kaplan (Lasswell, Harold dan Kaplon, Abraham (1967, hlm. 71), proses sosial sebagai "*the totally of value processes for all the values important in the society*". Definisi Laswell dan Kaplan tersebut menjelaskan akan luasnya proses sosial itu dan merangkumi segala kegiatan termasuk sistem nilai dalam masyarakat untuk disebar-luaskan Fenomena tersebut sebagaimana petikan berikut: Maka Syekh Alam di Rimba pun bertitah kepada raja gajah seraya katanya "*hai raja gajah, tuan-tuan sekalian ambillah aku air yang lain daripada air sungai ini. Suka-suka aku hendak mengubati raja buayah itu kerana dianya serta bersumpah-sumpah dengan aku.*" Setelah itu maka raja gajah itupun pergilah mengambil air itu serta rakyatnya mencari air di sebelah batu bukit itu. Dan berhimpunlah segala rakyatnya raja gajah itu mengambil air dengan belalainya. Banyaknya setelah sudah maka dibawanya air itu kepada

Syeikh Alam di Rimba itu maka beberapa banyaknya air itu. Akan titah Syeikh Alam di Rimba kepada raja gajah itu, “*hendaklah tuan hamba tuangkan air itu ke dalam mulut buaya itu*”.... (Cod. Or. 1932, 109-110).

Petikan tersebut menggambarkan perilaku positif iaitu perdamaian antara kelompok menerusi perlakuan watak binatang yang dipersonifikasikan. Pengarang *Hikayat Pelanduk Jenaka* turut memperlihatkan usahanya menyalurkan persoalan nilai-nilai kemanusiaan dalam kalangan khalayak pembaca seperti rasa simpati dan keinsanan. Gambaran rasa keinsanan dan saling memaafkan, keharmonian, dan perbuatan bermuafakat dalam kalangan masyarakat di rimba merupakan perbuatan mulia yang sewajarnya dijadikan teladan dan pelajaran oleh masyarakat pembaca dalam kehidupan nyata.

Di samping itu, pengarang *Hikayat Pelanduk Jenaka* turut memperlihatkan hubungan interaksi antara watak dan perwatakan segala binatang yang dipersonifikasikan. Watak dan perwatakan tersebut mewakili golongan pemimpin dan rakyat jelata dalam hirarki sosial. Dalam pada itu, setiap golongan masyarakat digambarkan saling berhubung dan berinteraksi. Sebagai contoh, Syeikh Alam di Rimba sebagai ketua masyarakat digambarkan saling bermusyawarah dengan masyarakat di rimba dan lautan. Dengan itu, manuskrip Melayu tradisional *Hikayat Pelanduk Jenaka* yang dihasilkan pada zaman tradisional jelas memperlihatkan corak hidup dan mobiliti sosial masyarakat tradisional yang berbeza status dan kedudukan namun saling memerlukan antara satu sama lain. Oleh hal yang demikian, *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai proses interaksi sosial dalam kontak sekunder berupaya mempengaruhi masyarakat pembaca terutamanya masyarakat era moden agar sentiasa mengamalkan emosi positif ke arah membentuk keperibadian sempurna di samping melestarikan budaya Melayu. Selaras dengan pendapat Susanto, Astrid S. (1979, hlm. 44), interaksi merupakan proses komunikasi iaitu proses pengaruh mempengaruhi dalam masyarakat akibat berlakunya perubahan-perubahan dalam kalangan masyarakat atau proses sosial.

Hikayat Pelanduk Jenaka turut memperlihatkan persoalan yang mementingkan ciri-ciri dan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin terhadap kelompok masyarakatnya. Sebagai contoh, seseorang pemimpin sewajarnya tidak berbalah sesama rakyatnya bahkan juga perlu sentiasa mengekalkan perdamaian antara kelompok untuk kesejahteraan segenap lapisan masyarakat. Mesej tersebut berupaya membawa suatu makna kepada khalayak pembaca sebagai panduan dan teladan dalam kehidupan nyata. Seperti yang kita sedia maklum, raja merupakan pemerintah yang berdaulat dan mempunyai kedudukan mulia dalam kalangan masyarakat Melayu sejak zaman tradisional lagi. Oleh itu, golongan pemerintah perlu melaksanakan peranannya dengan sempurna dalam aspek politik, sosial dan ekonomi sebagaimana yang diharapkan oleh rakyatnya. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Roslan Ali dan Norsiah Fauzan (2007, hlm. 32), gabungan akal dengan hati, dan ilmu dengan amal akan melahirkan manusia yang bertakwa kepada Allah, lantas mengharmonikan hubungan menegak manusia dengan Allah, dan juga hubungan mendatar antara manusia dengan manusia. Hasilnya ialah

terbentuknya insan yang dihiasi dengan sifat-sifat terpuji seperti sifat-sifat pemurah, kasih-mengasihi, mempunyai tanggungjawab sosial, moral dan sebagainya. Antara contoh sikap dan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin terhadap rakyatnya menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* digambarkan sebagaimana petikan-petikan berikut:

Petikan 1:

...dan sahut Syeikh Alam di Rimba itu, “*hai raja singa yang pahlawan lagi perkasa lagi berani, janganlah kita mengadu rakyat dan tiadalah harus kerana jadi rosak binasa sekalian rakyat antara kedua pihak*”... (Cod. Or. 1932, 45).

Petikan 2:

...maka kata pelanduk, “*hai sekalian tuan-tuan pada hari inilah engkau aku perdamaian dengan sekawan harimau itu jangan engkau berseteru dengan harimau itu...*” (Cod. Or. 1932, 12)

Petikan 1 memperlihatkan pesanan pengarang yang disampaikan menerusi watak dan perwatakan binatang yang dipersonifikasikan. Menerusi interaksi antara watak Syeikh Alam di Rimba dan raja singa, Syeikh Alam di Rimba telah menasihati raja singa agar sentiasa mengamalkan rasa bertanggungjawab, bermusyawarah dan berdamai antara rakyat jelata. Petikan 2 pula memperlihatkan peristiwa perdamaian antara binatang buas dan binatang yang lemah sifatnya. Petikan tersebut memperlihatkan pesan pengarang *Hikayat Pelanduk Jenaka* kepada khalayak pembaca, malahan mendidik secara tersirat agar sentiasa mengamalkan hidup harmoni dan berbaik-baik sesama manusia. Justeru, *Hikayat Pelanduk Jenaka* berupaya membawa isi yang bermakna dalam kalangan khalayak pembaca sebagai pelajaran, teladan, membentuk nilai budi, norma berperlakuan dan bertingkah laku dalam kehidupan nyata.

Interaksi sosial menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* berupaya merungkai makna kehidupan menerusi pelbagai watak dan perwatakan binatang yang dipersonifikasikan. Proses interaksi sosial menerusi kontak sekunder akhirnya berupaya berfungsi sebagai motivasi dan kawalan sosial dalam kalangan khalayak pembaca. *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai perantara kontak sosial sekunder membawa pesan dan harapan penulisnya kepada khalayak pembaca untuk dijadikan teladan dan pelajaran dalam kehidupan sosial. Seterusnya, *Hikayat Pelanduk Jenaka* berupaya berfungsi sebagai kawalan sosial, membawa amanat pengarang untuk memperingatkan, nasihat-menasihati serta berhubungan antara satu dan lainnya. Menurut Herimanto dan Winarno (2009, 53), syarat terjadinya interaksi sosial adalah adanya kontak sosial dan komunikasi. Kontak sosial itu bersifat primer dan sekunder. Kontak primer terjadi apabila wujudnya kontak langsung dengan cara berbicara, tersenyum dan sebagainya. Manakala kontak sekunder itu terjadi dengan perantara seperti menerusi surat, perbualan telefon, media elektronik dan sebagainya.

Intinya, unsur alam, penokohan yang terdiri daripada para binatang, latar, ruang dan suasana di rimba dan lautan yang dipersonifikasikan menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* merupakan alegori kepada kehidupan manusia di alam nyata. Pelbagai persoalan seperti kepentingan alam serta hubungannya dengan budaya masyarakat Melayu dan sistem nilai manusia disampaikan secara tersurat juga tersirat sebagai hiburan dan teladan dalam kalangan masyarakat pembaca. Struktur isi cerita seperti komplikasi, konflik, penyelesaian dan persoalan cerita yang mewakili sistem nilai masyarakat Melayu tradisional berupaya dijadikan teladan dalam kalangan masyarakat generasi moden. Fenomena tersebut bertepatan dengan teori *Pengkaedahan Melayu* yang melihat sastera sebagai objek alam yang kejadiannya mempunyai sebab, hikmah dan fungsi tertentu untuk dimanfaatkan, sebagai teladan yang baik kepada manusia, membawa sesuatu makna dalam kehidupan di samping meningkatkan ketakwaan terhadap Allah SWT.

ALAM DAN KEMANFAATANNYA

Menurut Hashim Awang (1997, 119), masyarakat Melayu pada tahap primitif memiliki keistimewaan menerusi kehidupan yang tersangat erat dan intim dengan alam. Alam turut menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka. Dengan memiliki corak kehidupan yang demikian, masyarakat Melayu menjadi begitu sensitif terhadap persekitaran, kejadian atau peristiwa yang berlaku di sekelilingnya. Mereka akan segera memberikan reaksi terhadap apa yang terjadi di sekitar mereka, sebagai sesuatu yang dapat memberikan tontonan atau pengajaran kepada kehidupan sendiri. Semua reaksi ini tidak pula dinyatakan dalam pengucapan yang langsung dan primitif sifatnya, melainkan secara halus dan indah, secara kias ibarat yang tepat dan tajam.

Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Muhammad Haji Salleh (2012, hlm. 83), sastera Melayu dikarang oleh manusia yang hidup akrab dengan alam Melayu. Di suatu pihak alam ini mendominasinya, tetapi di suatu pihak yang lain menyediakan segala keperluannya – daripada makanan, perlindungan, pakaian, hinggalah kepada hiburan, alat untuk kiasan, renungan tentang hidupnya dan juga kosmologinya. Manusia Melayu bukan sahaja akrab dengan bahagian-bahagiannya tetapi mengenali alam dengan lebih dekat dan ilmu yang dibina oleh pengetahuan yang dikumpulnya daripada pengalaman ribuan tahun. Itulah persekitarannya daripada titik dia lahir hingga dia meninggal. Hutan dan belukar, sungai dan laut adalah tempat dia melakukan kehidupannya. Dengan demikian dia belajar mengenali wajah-wajah alam ini – yang lembut, indah dan nyaman, yang garang dan ganas. Tetapi dia adalah anak alam yang sangat setia kepada persekitarannya.

Kenyataan tersebut selaras dengan *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932) yang memperlihatkan keakraban alam dan budaya masyarakat Melayu. *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932) sarat dengan unsur alamiah, mempunyai hubungan yang amat erat dengan cara atau sikap hidup masyarakat Melayu khususnya masyarakat Melayu tradisional. *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai

sebuah manuskrip Melayu tradisional menggambarkan keindahan kejadian alam yang mempunyai fungsi terhadap manusia, alam sebagai sumber pekerjaan atau pencarian, pengalaman, pengajaran dan kebajikan. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Hashim Awang (1997, hlm. 121), sastera dapat dilihat sebagai suatu objek alam, yang kejadiannya mempunyai sebab, hikmah dan fungsi tertentu. Di samping itu, kejadiannya itu paling utama boleh dimanfaatkan oleh manusia, sama seperti kejadian objek-objek alam yang lain.

Sebagai contoh, kepengarangan *Hikayat Pelanduk Jenaka* memaparkan pelbagai objek alam ciptaan Allah SWT yang kejadiannya mempunyai sebab, hikmah dan fungsi tertentu. Unsur alam dan budaya masyarakat Melayu menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* berisi ilmu dan maklumat untuk dimanfaatkan oleh masyarakat pembaca dalam kehidupan nyata. Contoh petikan: Maka Syeikh Alam di Rimba pun bertitah kepada raja gajah seraya katanya, “*hai raja gajah, tuantuan sekalian ambillah aku air yang lain daripada air sungai ini. Suka-suka aku hendak mengubati raja buayah itu...*” (Cod. Or. 1932, 109-110).

Petikan tersebut memperlihatkan fungsi dan manfaat alam kejadian Tuhan sebagai penawar kepada segala jenis penyakit. Setelah terminum air sungai bercampur akar tuba, raja buaya dan para pengikutnya menderita kesakitan. Ramai pengikut raja buaya mati akibat keracunan. Setelah menderita kesakitan, raja buaya memohon maaf dan mengharap bantuan daripada Syeikh Alam di Rimba agar mencari penawar untuk menghilangkan bisa akar tuba. Menerusi persoalan ini, pengarang telah menggambarkan kemanfaatan unsur alam sebagai penyembuh kepada segala penyakit. Syeikh Alam di Rimba dan seisi rimba telah berusaha merawat raja buaya dengan memberinya minum air sungai yang bersih dan bebas daripada campuran racun akar tuba. Oleh hal yang demikian, persoalan tersebut berupaya membawa khalayak pembaca agar menaakul, berusaha mengenalpasti, mengkaji dan akhirnya memperoleh fungsi setiap tumbuh-tumbuhan dan unsur alam ciptaan Allah SWT sebagai alternatif untuk merawat pelbagai penyakit dan manfaatnya dalam kehidupan seharian.

Jelaslah bahawa, *Hikayat Pelanduk Jenaka* merupakan karya sastera Melayu tradisional yang sarat dengan persoalan mengenai alam dan kemanfaatannya, membawa teladan, pelajaran dan maklumat kepada khalayak pembaca. Dengan keadaan sedemikian, persoalan yang disuguhkan menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* turut bersesuaian dengan *Pengkaedahan Alamiah* yang menumpukan unsur-unsur alam, persoalan mengenai kesihatan atau perubatan. Menerusi pengkaedahan ini, kepentingan dan keistimewaan tumbuhan serta haiwan sebagai sumber perubatan dititikberatkan sebagai inisiatif penyembuhan pelbagai penyakit. Kenyataan tersebut selaras dengan pendapat Hidayat (2009, hlm. 196) yang menyatakan bahawa dalam keyakinan dan kepercayaan orang Melayu, penyakit tidak membunuh dan obat tidak menyembuhkan. Hidup dan mati ada di tangan Tuhan. Tiap penyakit ada ubatnya dan manusia mesti berusaha untuk mempertemukan ubat dengan penyakitnya. Tidak ada penyakit yang tidak ada ubatnya, kecuali penyakit yang membawa kepada kematian sebagai takdir Tuhan.

Jelaslah bahawa, setiap tumbuh-tumbuhan mempunyai manfaat dan fungsi tertentu dalam kehidupan manusia di dunia ini. *Hikayat Pelanduk Jenaka* (Cod. Or. 1932) secara tidak langsung membawa khalayak pembaca menaakul dan mengkaji akan manfaat dan penawar segala penyakit yang berupaya diperolehi daripada alam dan tumbuhan di muka bumi ini. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Mat Rofa Ismail (2012, hlm. 49), ilmu perubatan tradisi Alam Melayu kaya dengan etnobotani yang merupakan satu cabang etnosains yang penting. Alam Melayu kaya dengan khazanah herba sama ada botani yang melibatkan tumbuh-tumbuhan liar atau tumbuh-tumbuhan yang ditanam dan diusahakan dalam kegiatan pertanian serantau. Menurutny lagi (2012, hlm. 49), alam tumbuhan, hasil bumi, haiwan dan sumber alam menjadi sebahagian daripada sumber perubatan Melayu. Mereka menggunakan sumber tersebut untuk merawat beberapa jenis penyakit. Ada bahan yang digunakan secara bersendirian dan ada pula yang perlu diadunkan daripada ramuan tersebut untuk merawat beberapa jenis penyakit.

Daripada perspektif yang berbeza, *Hikayat Pelanduk Jenaka* turut mengategorikan unsur flora dan fauna untuk memperlihatkan cara dan sikap hidup masyarakat Melayu tradisional. Selain pemaparan manfaat alam tumbuh-tumbuhan, *Hikayat Pelanduk Jenaka* turut memperlihatkan kepentingan unsur alam seperti cekerawala, bulan, bintang dan bumi yang akrab hubungannya dalam kehidupan manusia. Dengan berbuat demikian, *Hikayat Pelanduk Jenaka* sebagai sebuah karya sastera berupaya memperlihatkan cara dan sikap hidup masyarakat Melayu tradisional yang menghargai dan memanfaatkan setiap unsur alam dalam kehidupan seharian mereka. Berdasarkan teori *Pengkaedahan Melayu*, setiap unsur alam yang wujud memiliki fungsi dan manfaat yang khusus terhadap manusia. Sastera pun dilihat sebagai suatu unsur alam yang kejadian (penciptaan)nya adalah juga mengarah ke dalam perspektif yang serupa. Kenyataan tersebut diperkukuhkan menerusi pendapat Hashim Awang (1994, hlm. 328-329), masyarakat Melayu terutamanya pada tahap primitifnya memiliki kehidupan yang tersangat erat dan intim dengan alam, malah alam menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka. Dengan memiliki corak kehidupan yang demikian, masyarakat Melayu menjadi begitu sensitif terhadap persekitaran, kejadian atau peristiwa yang berlaku di sekelilingnya. Muhammad Haji Salleh (2012, hlm. 9) turut menyatakan bahawa manusia hanyalah sebahagian kecil daripada susunan yang lebih besar. Cakerawala ini juga dilihat harmonis, bahagian-bahagian mempunyai tempat, dan fungsinya sendiri. Perjalanan hari dan waktu dilihat sebagai teratur, begitu pula kehidupan manusia, pada umumnya.

Fenomena tersebut dibuktikan kesahihannya menerusi persoalan menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* yang memperlihatkan cara dan sikap hidup masyarakat Melayu tradisional yang tidak dapat dipisahkan dengan alam dan amat menghargai alam. Unsur alam seperti flora, fauna serta cakerawala amat mempengaruhi kehidupan seharian mereka, sekali gus sebagai keperluan asas dan mempunyai kepentingan tertentu dalam meneruskan aktiviti kehidupan.

Contoh petikan:

...maka Syeikh Alam di Rimba pun datanglah ke tengah padang itu maka Syeikh Alam di Rimba pun berkatalah, “*hai sekelian tuan-tuan dan sanak saudara hamba sekelian baiklah kita berjalan sementara belum terbit matahari ini*”. Dan segala binatang yang dalam lubang tanah itu pun keluarlah pada tengah tempatnya dan segala burung pun belum lagi mencari mangsanya itu dan ayam hutan pun belum berkokok. Setelah sudah meniup sekelian, maka Syeikh Alam di Rimba pun berangkatlah..... (Cod. Or. 1932, 67).

Berdasarkan petikan tersebut, pemilihan diksi menerusi sintaksis segala binatang yang dalam lubang tanah itu pun keluarlah pada tengah tempatnya dan segala burung pun belum lagi mencari mangsanya itu dan ayam hutan pun belum berkokok mengungkapkan makna tersirat iaitu sebelum terbitnya matahari yang menandakan sebelum bermulanya waktu siang. Kenyataan tersebut sinonim dengan waktu sebelum munculnya fajar *sadik* atau berakhirnya waktu solat Subuh. Secara tidak langsung, petikan tersebut membawa ilmu kepada masyarakat moden, memperolehi pengetahuan akan kemanfaatan alam dan hubungannya dengan ilmu falak. Ilmu falak merupakan penanda atau penentu waktu dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional yang perlu dilestarikan oleh generasi kini. Sebagai contoh, posisi matahari merupakan petunjuk kepada penentuan waktu solat dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional yang beragama Islam sebelum wujudnya alatan kiraan moden. Gambaran alam yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu tradisional tersebut sebagaimana menurut Hashim Awang (1997, hlm. 118) yang menyatakan bahawa masyarakat Melayu terutamanya pada tahap primitifnya memiliki kehidupan yang tersangat erat dan intim dengan alam, malah alam menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka. Dengan memiliki corak kehidupan yang demikian, masyarakat Melayu menjadi begitu sensitif terhadap persekitaran, kejadian atau peristiwa yang berlaku di sekelilingnya.

Kepentingan cakerawala dan masyarakat Melayu tradisional diperkukuhkan lagi menerusi kenyataan Baharudin Zainal & Mat Rofa Ismail (2012, hlm. 54-73) berhubung alam dan hubungannya dengan ilmu falak. Menurut beliau, pada zaman tradisional, masyarakat Melayu amat erat hubungannya dengan alam sebagai panduan penentuan kiblat, penentuan waktu solat, keluasan geografi berkaitan matlak unit sukatan jarak. Justeru, geografi alam Melayu yang diperlihatkan menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* tersebut bersesuaian dengan rumusan yang dikemukakan oleh Baharudin Zainal dan Mat Rofa Ismail (2012, hlm. 71) yang menjelaskan mengenai fenomena pergerakan matahari berdasarkan musim dan latitud bumi serta kesannya terhadap perubahan waktu solat sepanjang tahun. Aspek astrometri yang dijelaskan dalam bahagian ini merupakan yang paling lengkap dalam mana-mana naskhah falak dan fiqh Alam Melayu sebelum kurun ke 19M.

MEMPERTINGKAT NILAI KETAKWAN DAN MENCEGAH KEMUNGKARAN

(Cod. Or 1932) turut menekankan kepentingan nilai Islam yang memaparkan persoalan yang berunsur kebenaran dan membawa pelajaran. Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan berupaya menghasilkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Kenyataan tersebut bersesuaian dengan *Pengkaedahan Keagamaan* sebagaimana menurut Hashim Awang (1997, hlm. 122-123), *Pengkaedahan Keagamaan* merupakan pendekatan yang berdasarkan kepada keimanan yang bersendikan aqidah agama Islam bersumberkan al-Quran dan Hadis. Pembentukan pula bersandarkan kepada tujuan-tujuan menyerlahkan sifat-sifat keagungan Allah dan mempertingkatkan ketakwaan terhadapNya. Menerusi *Pengkaedahan Keagamaan*, terdapat tiga pendekatan iaitu *Pendekatan Dakwah*, *Pendekatan Kemasyarakatan*, dan *Pendekatan Seni* yang saling berhubungan antara satu sama lainnya. Menerusi kajian ini, *Pendekatan Dakwah* berupaya merungkai sebagai suatu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT. (Cod. Or. 1932) turut menggambarkan persoalan mengenai sifat-sifat kemuliaan dan keagungan Allah SWT. Penyisipan sifat keagungan Allah SWT sebagai Maha Pencipta menerusi secara tidak langsung menjadikan para insan mengenali dengan lebih dekat dan khusyuk sifat dan diri Tuhan. Nilai ketakwaan tersebut berupaya menimbulkan pertambahan dan peningkatan rasa kecintaan dan kehormatan insan yang lebih besar dan suci terhadapNya.

Misalnya, turut memperlihatkan ciptaan alam yang indah sifatnya sehingga berupaya membawa kesan ketenangan, menjana kognitif, menghargai keindahan alam ciptaan Tuhan sehingga membantu pembangunan kerohanian serta ketakwaan khalayak pembaca terhadap kebesaran Ilahi. Kenyataan tersebut diperlihatkan sebagaimana petikan berikut:

...maka tersebutlah pula perkataan badak, kerbau dan seladang, rusa, kijang, beruk, siamang, ungka hendak mengambil ikan dalam sungai Tasnim namanya itu. Adapun sungai itu pasirnya terlalu putih dan terlalu segala baik rupanya dan ikan pun terlalu sekali banyak... (Cod. Or. 1932, 124).

Petikan tersebut menggambarkan keindahan alam yang merupakan tanda ciptaan Tuhan dan menuntut setiap individu agar menghargainya. Menurut U.U Hamidy (1994, hlm. 190), cara berfikir yang metaforik dalam tradisi Melayu bersebuti dengan cara-cara agama Islam menyampaikan sebahagian ajarannya dengan menggunakan lambang-lambang alam. Luahan rasa melalui penggunaan imej dan alam memberikan kesan emosi estetik dalam kalangan khalayak.

Malahan, gambaran keindahan unsur alam yang amat indah kejadiannya menerusi berupaya memantapkan kerohanian, membantu perkembangan jiwa dan

meningkatkan rasa takjub khalayak pembaca akan keajaiban alam ciptaan Tuhan. Firman Allah SWT bermaksud:

“...Maka Maha Suci Allah yang sebaik-baik menciptakan”. (al-Mu’minun, 14)

Dengan itu, persoalan-persoalan menerusi yang dirungkai menerusi teori *Pengkaedahan Melayu* berupaya membawa kebaikan, panduan, pelajaran, sumber pengetahuan dan sejarah ketamadunan Melayu dalam kalangan khalayak pembaca. Kerelevanannya turut diperkukuhkan dengan pendapat Jumali Hj. Selamat (2009, hlm. 35), *Pengkaedahan Melayu* melibatkan sepenuhnya aspek pendakwaan yang membawa ke arah kebaikan dan kemajuan yang dapat mempengaruhi kehidupan manusia menjadi Muslim yang berupaya memilih dan meletakkan dirinya sebagai insan bertakwa seiring dengan kehendak ajaran Islam. Seperti yang kita sedia maklum, alam tidak wujud tanpa penciptanya dan Allah SWT adalah penciptanya, mengatur segala kejadian alam dan melindunginya. Alam dan kejadiannya oleh Allah SWT terdiri daripada tiga kelompok kejadian iaitu di langit, di bumi dan yang berada di antaranya. Kenyataan tersebut sebagaimana menurut Azhar Ibrahim (2014, hlm. 100), sastera adalah produk kebudayaan yang paling simbolik, dengan menjelma dalam pelbagai peranan sebagai wadah pengajuan metafora, didaktisme, mungkin juga penyuntik spritualisme dan pendandan estetika.

Oleh hal yang demikian, sebagai karya sastera secara tidak langsung menimbulkan daya tarikan yang lebih mendalam terhadap kesucian agama Islam dalam kalangan insan Muslim mahupun bukan Muslim. sebagai perantara kontak sosial sekunder berupaya membawa pelbagai persoalan kemasyarakatan, bertindak sebagai perantara antara pengarang dan khalayak pembaca untuk menyampaikan unsur dakwah dan berupaya membantu pembangunan rohani khalayak pembaca. Firman Allah SWT bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menyuruh melakukan keadilan dan berbuat kebajikan serta memberi karib kerabat, dan melarang berbuat yang keji dan yang mungkar dan kezaliman. Dia mengajarkan kepadamu, mudah-mudahan kamu mendapat peringatan”. (an-Nahl, 90).

Justifikasinya, berupaya membawa khalayak pembaca agar mentafsir serta memahami akan tanggungjawab manusia terhadap Tuhan, manusia terhadap dirinya, tanggungjawab manusia terhadap masyarakat, tanggungjawab terhadap makhluk Tuhan dan tanggungjawab terhadap alam. (Cod. Or. 1932) turut membawa pelajaran dan penerapan kepentingan nilai positif seperti sikap bertanggungjawab dalam diri. Menerusi , ciptaan watak, perlakuan serta peribadi watak-watak binatang yang dipersonifikasikan dialegorikan sebagai sifat-sifat mulia seorang insan Muslim yang menyanjungi kebesaran Allah SWT dan Islam. Fenomena tersebut sinonim dengan ciri-ciri *Pengkaedahan Keagamaan*. Sebagai contoh, memperlihatkan peranan watak Syeikh Alam di Rimba yang

bertanggungjawab sebagai ketua seisi rimba dan lautan. Peranannya sebagai pemimpin di rimba dan lautan disampaikan oleh pengarang sebaik mungkin untuk membawa unsur kebenaran dan kesan kebaikan kepada khalayak pembaca. Pengarang turut memperlihatkan keprihatinan watak Syeikh Alam di Rimba sebagai pemimpin dalam melunaskan tanggungjawabnya terhadap masyarakat seperti menyelesaikan pelbagai masalah penghuni rimba dengan menggunakan kebijaksanaan akal, menyemaikan amalan mulia, serta berpesan-pesan dalam kalangan masyarakat di rimba dan lautan. Contoh petikan:

“...janganlah tuan-tuan sekelian gaduh-gaduh”. Maka sembah sekelian isi rimba itu, *“baiklah tuanku, telah haraplah patik-patik sekelian akan kata tuanku itu dengan berkat doa tuanku yang mustajab serta dengan berkat kuat wali Allah yang karamah...”* (Cod. Or. 1932, 97-98).

Petikan tersebut memperlihatkan usaha dan tanggungjawab watak Syeikh Alam di Rimba untuk memastikan keharmonian penghuni rimba. Fenomena tersebut memperjelas akan kepentingan tanggungjawab sebagai pemimpin, nasihat-menasihati kepada sekelian rakyat agar sentiasa mengamalkan keharmonian dan bermusyawarah berlandaskan ajaran Islam. Kepentingan proses sosial dan saling ingat-mengingati tersebut sebagaimana kenyataan Firth, Raymond (1958, hlm. 82) yang menyatakan bahawa interaksi sosial didahului oleh suatu kontak sosial. Kemungkinan terjadinya interaksi sosial tadi jika adanya komunikasi.

Kenyataan tersebut diperkukuhkan dengan firman Allah SWT bermaksud: *“...Bertolong-tolonglah kamu berbuat kebaikan dan taqwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan berbuat dosa dan aniaya dan takutlah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat keras siksaanNya”*. (al-Maidah, 2).

Hal ini bersangkut paut dengan yang merupakan wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan insan terhadap Allah SWT, menjauhi larangannya iaitu tidak berbuat aniaya dan menzalimi antara satu sama lain. Fenomena tersebut bersesuaian dengan *Pendekatan Dakwah* yang melihat sastera sebagai suatu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT. membawa pelbagai persoalan yang membawa khalayak pembaca menjauhi segala laranganNya, tidak menodai kesucian agama Islam dan mengamalkan kebaikan dalam kehidupan di dunia sebagai tanda cinta akan Allah SWT. Dalam kalangan khalayak pembaca insan Muslim, yang dilihat menerusi elemen *Pendekatan Dakwah* dan *Pendekatan Kemasyarakatan* berupaya menerbitkan kebaikan dan keadilan dalam masyarakat, di samping mengukuhkan keimanan serta ketakwaan. Manakala dalam kalangan bukan Muslim pula berupaya membantu pembangunan sahsiah mulia dalam kehidupan di dunia sebagaimana ciri-ciri *Pendekatan Kemasyarakatan* yang berakarkan kepada tujuan mencari kebaikan dan keadilan ke arah kesejahteraan hidup bermasyarakat. Kenyataan tersebut turut diperlihatkan menerusi petikan berikut:

Maka Syeikh Alam di Rimba pun bertitah kepada raja buayah itu, “*tuan hamba dengarlah barang kata aku ini. Janganlah engkau lalui lagi dan jangan sekali engkau berbuat aniaya akan segala isi rimba itu. Jikalau engkau lagi berbuat akan aniaya, nescaya matilah engkau oleh doa yang mustajab daripada wali Allah guru aku itu*”. Maka sembah raja buayah itu, “*Ya Tuanku Syeikh Alam di Rimba, ada pun hamba ini tiadalah mahu melalui titah tuanku itu. Jikalau hambamu melalui seperti yang dititahkan itu, beroleh patik mati di tempuh oleh tebing seperti mati dimakan oleh ikan sampai kepada anak cucu patik tidaklah sekali-kali beroleh selamat...*” (Cod. Or. 1932, 112).

Petikan tersebut jelas memperlihatkan persoalan berbentuk nasihat secara tepat dan jelas sebagai manfaat, amalan dan panduan kepada setiap individu (penerima) dalam kehidupan nyata. Syeikh Alam di Rimba telah meminta raja buaya agar menyesali perbuatannya dan jangan berbuat aniaya lagi. Akhirnya, raja buaya dan rakyatnya kembali sembuh lalu berjanji seandainya mereka melakukan perbuatan aniaya, dirinya akan mati ditempuh tebing, mati dimakan oleh ikan malah keturunan mereka juga tidak akan dilindungi dan tidak selamat. Persoalan tersebut berupaya membawa peranan kawalan sosial kepada masyarakat pembaca agar mengamalkan perbuatan mulia dalam kehidupan nyata.

Peranan untuk mencegah kemungkaran serta gambaran kebaikan dan keadilan dalam kalangan masyarakat berlandaskan Islam turut selaras dengan *Pendekatan Kemasyarakatan* menerusi *Pengkaedahan Melayu*. Menurut Hashim Awang (1997, hlm. 123), *Pendekatan Kemasyarakatan* menganggap sastera sebagai alat pendedahan segala macam persoalan yang berakarkan kepada tujuan mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam. Menerusi konteks ini, sastera dianggap lumrah untuk mendedahkan dengan jelas, benar dan berani permasalahan-permasalahan kemungkaran, ketidakadilan, penipuan, kepuraan, rasuah dan perniagaan - permasalahan-permasalahan yang dianggap sebagai punca kepada kepincangan masyarakat dan keimanan insan. Soal kemasyarakatan di sini, yang dilihat dari kacamata Islam, mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat dan penguatan keimanan serta ketakwaan. Dari dasar pegangan begitulah kajian sastera dapat ditumpukan kepada soal-soal isi dan tema yang memancarkan permasalahan tersebut; kajian juga wajar terarah kepada latarbelakang hidup pengarang untuk melihat sejauh mana sikap dan pandangan hidupnya berselarian dengan persoalan-persoalan kebajikan masyarakat yang dipaparkan dalam sasteranya.

Di sebalik itu, turut menghasilkan pelbagai persoalan yang berfungsi sebagai kawalan sosial, terkandung nilai-nilai murni yang wajar diteladani dan diaplikasi oleh masyarakat pembaca dalam kehidupan nyata. Persoalan yang disuguhkan menerusi turut berfungsi sebagai kawalan sosial ke arah mengekalkan dan memelihara keutuhan budaya serta penerapan aspek nilai dan etika dalam komunikasi sosial turut menekankan proses sosialisasi yang berkaitan dengan norma dan peraturan berperlakuan seperti semangat kerjasama, perasaan kekitaan,

saling hormat-menghormati, tolong-menolong, dan pelbagai nilai positif yang perlu diamalkan dalam kehidupan bermasyarakat. Kenyataan tersebut sebagaimana menurut Mohd Rashid Md Idris (2011, hlm. 59), dalam konteks sosial, nilai sememangnya menjadi sesuatu yang dekat dengan masyarakat Melayu. Nilai dan etika yang dipegang dalam konteks ini menjadi cerminan kepada masyarakat Melayu dan membentuk jati diri mereka dalam interaksi dan kehidupan secara bermasyarakat.

Fenomena tersebut berdasarkan pengalaman hidup masyarakat Melayu tradisional yang seiring dengan zaman terhasilnya manuskrip Melayu tradisional tersebut. Oleh hal yang demikian, kepengarangan yang berfungsi mensosialisasikan masyarakat dan menyediakan sumber ilmu pengetahuan memungkinkan khalayak bertindak dan mempunyai perilaku sebagai anggota masyarakat yang sedar akan fungsi sosialnya dalam kalangan masyarakat. Kenyataan tersebut selaras dengan pendapat Hashim Awang (1998, hlm. 31) yang menyatakan bahawa perilaku merupakan suatu penampilan ketika melakukan interaksi sosial sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam dan dengan Tuhan.

Contoh petikan:

...Pada suatu hari maka Syeikh Alam di Rimba pun bertitah kepada segala isi rimba itu demikian bunyinya “hai tuan-tuan janganlah hamba sekalian aniaya dan janganlah khianat dan dengki dan jangan berbuat fitnah dan kerana di dalam firasat aku itu ada juga kedatangan bala dan huru hara juga adanya. Dan lagi jikalau ada barang suatu hal ehwal tuan-tuan sekalian maka hendaklah tuan sekalian memberi tahu kepada hamba...” (Cod. Or. 1932, 121-123).

Petikan tersebut menggambarkan nasihat dan pesan Syeikh Alam di Rimba sebagai ketua kepada seisi alam di rimba dan lautan. Menerusi watak dan perwatakan Syeikh Alam di Rimba yang dipersonifikasikan, pengarang berpesan secara eksplisit agar jangan perbuat aniaya, jangan khianat dan dengki serta jangan menabur fitnah untuk menjanjikan kehidupan yang harmoni dan sejahtera. Pesanan serta nasihat yang disampaikan oleh pengarang membawa matlamat mendidik agar khalayak tahu akan norma berperlakuan. Mereka yang melanggar peraturan sosial tentunya akan memperoleh kesan buruk seperti bala dan bencana. Situasi tersebut menggambarkan proses belajar berperilaku yang dapat diterima secara sosial, belajar akan peranan sosial yang dapat diterima, dan mengembangkan sikap sosial. Kenyataan tersebut selari dengan pendapat Ding Choo Ming (2009, hlm. 154), karya sentiasa bersifat didaktif, sebagai pedoman dan cermin untuk khalayaknya untuk berbuat baik bagi mengekalkan keharmonian masyarakatnya.

Secara tuntas, (Cod. Or. 1932) terkandung pelbagai mesej yang disalurkan oleh pengarangnya sehingga berupaya membawa fungsi sosial dalam kalangan masyarakat pembaca. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Soerjono

Soekanto (1977, hlm. 20) yang menyatakan bahawa interaksi sosial merupakan hubungan-hubungan sosial yang bersifat dinamis, yang saling berhubung antara individu, antara kelompok-kelompok manusia, mahupun antara individu dengan kelompok manusia. Interaksi sosial turut merupakan bentuk umum dari proses-proses sosial. Dalam kehidupan bermasyarakat, interaksi sosial tersebut dapat terjadi dalam bentuk kerjasama (*cooperation*), persaingan (*competition*), dan permusuhan (*conflict*).

RUMUSAN

(Cod. Or. 1932) merupakan sebuah manuskrip Melayu tradisional yang memperlihatkan unsur alam yang dipersonifikasikan dan dialegorikan untuk menggambarkan proses interaksi dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional khususnya. Di samping itu, elemen budaya, nilai, corak kehidupan, warisan dan ketamadunan Melayu yang disampaikan menerusi unsur alam berupaya membawa maklumat, mendidik dan berfungsi sebagai kawalan sosial dalam kalangan khalayak pembaca.

Kajian ini berupaya memperlihatkan kontak sosial primer iaitu hubungan pengarang dan khalayak pembaca sebagai pembawa amanat dan pesan. Manakala peranan sebagai perantara kontak sosial sekunder pula berupaya membawa pelbagai persoalan kemasyarakatan serta bertindak sebagai perantara antara pengarang dan khalayak pembaca. Selain itu, unsur-unsur alam yang bermanfaat dan indah sifatnya berupaya membawa fungsi-fungsi tertentu sebagai panduan dan kawalan sosial dalam kalangan khalayak pembaca.

Begitu juga dengan unsur alam yang merupakan budaya masyarakat Melayu yang berupaya membentuk dan memperteguh kerohanian individu dan kelompok ke arah pembangunan sahsiah positif. Oleh hal yang demikian, proses interaksi sosial menerusi yang diperjelaskan menerusi *Pengkaedahan Alamiah* dan *Pengkaedahan Keagamaan* berupaya membawa pelbagai manfaat kepada khalayak pembaca seperti menghibur, membawa maklumat, mendidik serta mempertingkatkan kerohanian dan ketakwaan terhadap Allah SWT. Cara hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu tradisional yang diperlihatkan menerusi berupaya membuktikan alam merupakan budaya masyarakat Melayu yang membawa pelbagai manfaat. Dalam pada itu, turut berupaya melestarikan warisan, sikap hidup serta budaya Melayu sebagai teladan dan ilmu berguna dalam kalangan khalayak pembaca khususnya generasi moden.

Kajian ini akhirnya membuktikan dan pelbagai persoalan yang disampaikan oleh pengarangnya menggambarkan hubungan erat antara alam dan masyarakat Melayu. Proses interaksi sosial yang dilaksanakan oleh pengarangnya secara ironi, sinisme dan sarkasme berupaya membawa pelbagai manfaat kepada khalayak pembaca seperti menghibur, mempertingkatkan kerohanian serta kawalan sosial, membawa kebaikan dalam bertingkhilaku berlandaskan peraturan Islam serta membasmi kemungkaran. Manakala unsur alam yang mendasari

memperlihatkan alam yang bersifat indah dan berupaya menerbitkan rasa kagum dan takjub akan alam ciptaan Allah SWT. Konklusinya, unsur alam serta pelbagai perwatakan binatang yang dipersonifikasikan dan dialegorikan menerusi berupaya memperlihatkan cara hidup, kepercayaan serta kebudayaan masyarakat Melayu yang amat erat hubungannya dengan unsur alamiah, berpaksikan Islam dan ajaranNya.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian daripada kajian penyelidikan penulis menerusi program Post-Doktoral (*Affiliated Fellow*) mengenai Interaksi Sosial dalam manuskrip Melayu di *Institute For Asian Studies (IIAS), Leiden University* dari 1 November 2014 hingga November 2016. Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Putra Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia atas pembiayaan program Post-Doktoral ini. Penulis juga ingin mengucapkan penghargaan kepada Dr Aone Van Engelenhoven, Dr Philippe Peycam, Pengarah Institute For Asian Studies (IIAS) dan Dr Willem Vogelsang, Pengurus Institut For Asian Studies (IIAS), University of Leiden, Leiden, The Netherlands.

Rujukan

- Amir Luthfi. (1986). *Agama dan Interaksi Sosial Antar Kelompok Etnik : Studi Kasus Kotamadya Pekanbaru*. Pekanbaru: Penerbit Bumipustaka.
- Ariffin Nur. (1972). *Sastera Melayu Klasik*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Azhar Ibrahim. (2014). *Cendekiawan Melayu Penyuluh Emansipasi*. Selangor: Strategic Information and Research Development Centre.
- Baharuddin Zainal & Mat Rofa Ismail. (2012). Sains Matematik dalam Kitab Fiqah Popular Alam Melayu Sebelum Abad ke-19M. In Rohani Ahmad Tarmizi. (Ed.). *Etnomatematik & Etnosains di Alam Melayu* (pp. 54-73). Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Ding Choo Ming. (2003). *Kajian Manuskrip Melayu Masalah Kritikan dan Cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- E.P. Wieringa. (1998). *Catalogue of Malay and Minangkabau Manuscripts in the Library of Leiden University and Other Collections in the Netherlands in Volume One Comprising The Acquisitions of Malay Manuscripts in Leiden University Library Up to the year 1869*. Leiden University Library: Legatum Warnerianum.
- E.P. Wieringa. (2007). *Catalogue of Malay and Minangkabau Manuscripts in the Library of Leiden University and Other Collections in the Netherlands in Volume Two Comprising The H.N. Van Der Tuuk Bequest by the Leiden University Library in 1896*. Leiden University Library: Legatum Warnerianum.
- Firth, Raymond. 1958. *Human Types, an introduction to social psychology, a mentor book*. New York: New American Library.
- Gillin. (1954). *Cultural Sociology, A revision of An Introduction to Sociology*. New York: The Macmillan Company.
- H Mahmud Yunus. (1979). *Tafsir Quran Karim*. Singapura: Basheer Ahamed.
- Hamka. (1983). *Lembaga Budi*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Hashim Awang. (1994). *Pengkajian Sastera: Pengkaedahan Melayu*. In Sahlan Mohd.

- Saman. (Ed.). *Pengarang Teks dan Khalayak* (pp. 326-335). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1997). Teori Sastera Perkaedahan Melayu. In Mana Sikana. (Ed.). *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik* (pp. 103-124). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Awang. (1998). *Budaya dan Kebudayaan: Teori, Isu dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Citra Budaya.
- Herimanto dan Winarno. (2009). *Ilmu Sosial Budaya Pasar*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Hidayat. (2009). *Akulturas Islam dan Budaya Melayu: Studi tentang Ritus Siklus Kehidupan Orang Melayu di Pelalawan Provinsi Riau*. Jakarta: Badan Litbang dan Diklat Departemen Agama RI.
- Jumali Hj. Selamat. (2009). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribus Menerusi Pendekatan Dakwah. *Jurnal Personalita Pelajar*. 12 (6), 19-37.
- Laswell, Harold and Kaplan, Abraham. (1969). *Power and Society*. New Haven – London: Yale University Press.
- Mana Sikana. (Ed.). (1997). *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mat Rofa Ismail. (2012). Ilmu Hikmah dalam Kajian Etnosains dan Etnomatematik Alam Melayu. In Rohani Ahmad Tarmizi. (Ed.). *Etnomatematik & Etnosains di Alam Melayu* (pp. 14-53). Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Rashid Md Idris. (2011). *Nilai Melayu dalam Pantun*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Haji Salleh. (Ed.). (2012). *Pandangan Dunia Melayu: Pancaran Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2012). Pandangan Alam Manusia Melayu. In Muhammad Haji Salleh. (Ed.) *Pandangan Dunia Melayu: Pancaran Sastera* (pp 1-84). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Norasiah Abdullah. Pembangunan Insan dalam Penceritaan Fauna. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam: Memperkasakan Pendidikan Islam ke Arah Merealisasikan Kegemilangan Ummah Abad ke 21, anjuran bersama: IPG Kampus Pendidikan Islam IPGK Zon Tengah dengan kerjasama Institut Pendidikan Guru Malaysia, 3-6 Julai 2012, Hotel Royale Bintang, Seremban.
- Nurhasma Muhamad Saad, Kartina Kamaruzaman, Rosni Samah. Fungsi Cerita Binatang dalam Sastera Kanak-kanak Melayu – Arab. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Bahasa dan Budaya: Membentuk dan Memupuk Masyarakat Global, anjuran Fakulti Sains Kemanusiaan, UKM, 5-6 May 2009, Palm Garden Hotel, 101 Resort, Putrajaya.
- Roslan Ali dan Nosiah Fauzan. (2007). *Pembangunan Rohani dan Refleksi Budaya Masyarakat Melayu*. Kota Samarahan: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Roslina Abu Bakar (2013). *Komunikasi Dua Hala Terancang Satu Aplikasi dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roslina Abu Bakar. (2014). *Interaksi Sosial dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Shaharir Mohamad Zain. (2016). Kelestarian Kebudayaan. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*. 14 (1), 61-72.
- Supriyadi. (1993). *Aspek Sosial Budaya dalam Kehidupan Organisasi Sosial Pemuda dlm Interaksi Sosial Budaya di Jabotabek: Studi Kasus Pada Beberapa Wilayah*. Jakarta: Pusat Penelitian dan Pengembangan Kemasyarakatan dan Kebudayaan Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (PMB-LIPI).
- Soerjono Soekanto. (1982). *Sosiologi Suatu Pengantar*. Jakarta: Rajawali.
- Susanto, Astrid. (1979). *Pengantar Sosiologi dan Perubahan Sosial*. Bandung : Binacipta.
- U/U. Hamidy. (1994). Teks, Pengarang dan masyarakat dalam Sastera Melayu di Riau. In Sahlan Mohd . Saman. (Ed.). *Pengarang Teks dan Khalayak*. (pp. 168-195). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

